

'Setiap negara berhak pertahan kedaulatan tanpa cetus provokasi

Seoul: Datuk Seri Anwar Ibrahim mempertahankan pendirian bahawa setiap negara berhak melaksanakan program pertahanan negara, namun tidak sepatutnya membabitkan provokasi.

Susulan itu, Perdana Menteri mengecam tindakan Korea Utara yang melancarkan peluru berpandu balistik pada Oktober lalu yang mengancam keselamatan kawasan Korea Selatan.

"Bagi saya setiap negara mempunyai hak mengadakan apa-apa program pertahanan

mereka, tetapi tidak berhak menimbulkan provokasi kerana tindakan ini hanya akan menimbulkan ketegangan rantau," katanya kepada media Malaysia pada sidang media hari terakhir lawatannya ke Korea Selatan, semalam.

Lawatan pertama Perdana Menteri ke Korea Selatan ini adalah atas jemputan Presidenya, Yoon Suk Yeol.

Korea Selatan mendakwa Korea Utara melancarkan beberapa peluru berpandu balistik jarak dekat pada awal bulan ini dan ia

adalah pelancaran kedua negara itu terhadap Korea Selatan.

Pada akhir bulan lalu, Korea Utara melancarkan ujian peluru berpandu balistik antara benua (ICBM) iaitu bahan api pepejal yang paling maju dan berkuasa dalam ujian senjata pertama Korea Utara sejak negara itu didakwa menghantar tentera mereka bagi membantu Russia berperang dengan Ukraine.

Ketua Turus Bersama Korea Selatan dilaporkan berkata, mereka mengesakan pelancaran beberapa peluru berpandu balistik

jarak dekat di kawasan perairan timur semenanjung Korea Selatan.

Peluru berpandu berkenaan disasarkan sejauh kira-kira 400 kilometer (km) dan tentera Korea Selatan mendakwa mereka berjaya menjejaki pelancaran peluru berpandu berkenaan secara langsung serta memberi maklumat berkenaan kepada Jepun dan Amerika Syarikat (AS).

Sementara itu, Anwar menyuarakan sokongan Malaysia terhadap wawasan Presiden Suk

Yeol untuk menyatukan Semenanjung Korea.

Pendirian itu disambut baik dan dizahirkan secara langsung oleh Suk Yeol kepada Anwar pada pertemuan kedua-dua pemimpin.

"Presiden Suk Yeol mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada kita yang memberi dukungan kepada dia untuk bergerak ke arah penyatuan Korea. Daripada permusuhan dan perbalahan, lebih baik mereka bergerak ke arah penyatuan," katanya.